

06/05/2003

Kakitangan awam sudah nikmati banyak kelebihan

Mat Swasta

TEGURAN Perdana Menteri supaya kakitangan awam tidak sentiasa menuntut kenaikan gaji kerana ia boleh menyebabkan negara menjadi miskin dan kos sara hidup meningkat perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Saya bersetuju dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kakitangan awam tidak seharusnya memikirkan soal imbuhan atau gaji semata-mata.

Apa yang lebih penting, mereka perlu bekerja keras untuk meningkatkan pencapaian dan produktiviti demi pembangunan negara.

Kakitangan awam sebenarnya menikmati banyak kelebihan kerana dapat bekerja dalam sebuah kerajaan yang stabil. Mereka tidak perlu bimbang memikirkan soal syarikat mereka akan ditutup atau diberhentikan kerja. Boleh dikatakan, jika bekerja dengan kerajaan, masa depan akan lebih terjamin.

Mereka mendapat banyak faedah seperti kemudahan pinjaman rumah dan kenderaan dengan kadar pinjaman rendah serta bonus setiap tahun.

Mereka sepatutnya bersyukur dengan apa yang diperoleh sekarang dan tidak meminta yang bukan-bukan daripada kerajaan. Ini kerana kerajaan mempunyai komitmen lain yang lebih besar untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Kita tahu sumbangan besar kakitangan awam kepada pembangunan negara. Hakikat itu tidak boleh ditolak.

Namun, kita juga pernah mendengar dan membaca mengenai kakitangan awam yang tidak cekap, malas, lembap dan kurang berkesan dalam menjalankan tugas mereka.

Tidak lama dulu, Berita Harian pernah mendedahkan bahawa kakitangan awam lewat menjalankan urusan hingga menyusahkan orang ramai.

Tidak kurang yang bekerja mengikut masa dan tidak mahu bekerja lebih sedikit.

Begitu juga apabila ada kakitangan yang mencuri tulang dan tidak amanah dalam menjalankan kerja mereka.

Kelemahan sebegini sepatutnya mereka kaji dan perbaiki. Mereka seharusnya mengikis pandangan negatif orang ramai terhadap kakitangan awam.

Dalam era globalisasi dan Malaysia menuju ke negara maju, kakitangan awam perlu memberikan perkhidmatan terbaik.

Janganlah asyik memikirkan soal imbuhan dan tuntutan yang bukan-bukan untuk kepentingan diri sendiri, sedangkan mereka tidak selayaknya mendapatnya kerana tidak menjalankan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi.

Kakitangan awam sepatutnya lebih peka dengan masalah negara dan membantu bagaimana untuk mengatasinya bersama.

Sebenarnya, kakitangan awam mempunyai peranan besar dalam kerajaan kerana mereka adalah penggerak kepada banyak kegiatan kerajaan.

Mereka sepatutnya menjalankan peranan itu dengan bijak dan penuh dedikasi bagi membantu negara mencapai pelbagai matlamatnya.

Janganlah terlalu memikirkan soal imbuhan kerana kerajaan tidak pernah mengabaikan perkara itu walaupun mereka tidak memintanya.

Ingatlah ada orang lain yang lebih sukar hidupnya. Oleh itu, kakitangan awam perlu bersyukur dengan apa yang diberikan oleh kerajaan.

MAT SWASTA,

Johor Bahru, Johor.